


Jilid II
Bil. 34



Hari Jumaat
30hb Oktober 1992

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGAN

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1993 [Ruangan 7293]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1993 [Ruangan 7340]



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD.
IBU PEJABAT, KUALA LUMPUR
1994

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S.
(Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P.,
P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.M.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S., D.P.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N. (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

„ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

„ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).

„ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

„ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.I.S. (Mersing).

„ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

„ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

„ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

„ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).

„ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).

„ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

„ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

„ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

„ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

Yang Berhormat TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).

- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.St.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Penyunting: Zamani bin Sulaiman

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 30hb Oktober, 1992

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 4.00 petang***DOA**

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 1993****Bacaan Kali Yang Kedua***4.01 ptg*

Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim): Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1993 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun itu dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1993 dibentangkan pada ketika ekonomi Malaysia berada dalam keadaan yang sungguh memberangsangkan, mencatat kadar pertumbuhan yang kukuh, selama lima tahun berturut-turut, dan semakin menunjukkan ketahanan. Kekuatannya bukan sahaja terserlah jika dibandingkan dengan prestasi ekonomi negara-negara industri yang mengalami kelembapan atau negara-negara di rantau bermasalah, tetapi turut menunjukkan kemantapannya walaupun dibandingkan dengan negara-negara cemerlang di Asia Timur.

Kita perlu mengambil kesempatan daripada kedudukan ekonomi negara yang kukuh untuk melakukan

perubahan-perubahan struktural yang berani supaya, pertama, lonjakan ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020 dapat berlaku mengikut jangkaan. Kedua, jika ada pun tekanan-tekanan luar biasa terhadap pertumbuhan masa depan ekonomi kita, kesannya dapat diringankan dan justeru itu tidak akan menjejaskan pencapaian wawasan. Dan ketiga, mempertahankan kemampuan dan membina ketahanan ekonomi melalui disiplin dalaman.

Senario ekonomi antarabangsa yang kita gambarkan tahun lalu, kini adalah satu kenyataan. Nampaknya kemelut itu tidak mungkin banyak berubah pada tahun mendatang. Sementara ekonomi negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom ter-umbang-ambing di ambang ketidakpastian, keseluruhan ekonomi dunia sedang mengalami transformasi.

Keutuhan ekonomi Asia Timur kian menjadi kenyataan dan terus meningkat. Kekuatan ekonomi baru sedang muncul di China, Vietnam dan sebahagian negara-negara Amerika Latin yang sedang bergerak dengan kepantasan yang mengagumkan. Prospek perdagangan bebas yang lebih luas nampaknya semakin malap kerana usaha keterlaluan ekonomi maju untuk melindungi kelemahan struktural dalam ekonomi mereka melalui pelbagai blok dagangan dan tarif baru. Ini bertentangan dengan prinsip ekonomi bebas yang mereka kumandangkan. Lebih-lebih lagi manakala mereka saksikan kemunculan saingan hebat ekonomi-ekonomi baru.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang diramalkan, ekonomi Malaysia berkembang pada kadar 8.5 peratus tahun ini. Prestasi ini lebih membanggakan jika diperhatikan bahawa ekonomi dunia hanya berkembang pada kadar 1.1 peratus sahaja pada tahun ini. Namun, peratusan dan angka tidak dijadikan asas kebanggaan. Kepuasan kita ialah kerana kepesatan pertumbuhan ekonomi menjamin kesejahteraan hidup kita dan rakyat. Pendapatan per kapita negara dianggarkan meningkat pada kadar 11.2 peratus kepada 7,554 ringgit (AS\$3,022) daripada paras tahun lalu. Ketika ekonomi meleset tujuh tahun yang lalu pendapatan per kapita negara telah jatuh ke paras 4,580 ringgit (AS\$1,896). Dengan paras per kapita sekarang, Malaysia telah berjaya memasuki kategori negara membangun berpendapatan sederhana tinggi.

Bahkan kekuatan ekonomi negara tampak pada hampir semua petunjuk dan neraca. Kadar jangka hayat telah meningkat dari 69 tahun pada tahun 1980 kepada 71 tahun pada tahun 1991. Kadar kematian bayi berkurangan kepada 12.6 setiap seribu pada tahun 1991. Peratusan rakyat yang menerima air bersih dan yang menerima bekalan elektrik bertambah. Jumlah dan peratusan rakyat yang mendapat pendedahan kepada maklumat melalui media massa juga bertambah. Misalnya, jumlah penonton televisyen telah meningkat kepada 9.3 juta pada tahun 1990 manakala bilangan pembaca akhbar harian meningkat kepada 5.5 juta.

Berbeza dengan pengalaman beberapa negara lain, termasuk negara maju sekalipun, kita menekankan pembangunan insan seutuhnya, dan kesejahteraan yang merata. Agenda menegakkan keadilan sosial dan membela nasib golongan fakir dan miskin tetap diperjuangkan. Pada tahun 1991, kadar kemiskinan dianggarkan berkurangan kepada 15.0 peratus berbanding dengan 20.7 peratus pada

tahun 1985. Kita telah dapat meningkatkan infrastruktur asas, perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan mutu pemakanan masyarakat bandar dan desa. Dengan pencapaian asas ini sudah sampai masanya kita melipatgandakan usaha mengangkat mutu hidup rakyat dengan maksud yang lebih luas, merentasi pengertian mutu hidup konvensional dengan mencakupi aspek kebendaan dan kerohanian, dimensi akliyah dan budaya.

Perkembangan ekonomi turut menambah peluang pekerjaan serta mengurangkan kadar pengangguran kepada 4.1 peratus dan dikira telah mencapai tahap guna tenaga penuh. Keadaan ini amat melegakan jika dibandingkan dengan negara-negara yang sedang bergelut masalah pengangguran; umpamanya 10 peratus di United Kingdom, 7.5 peratus di Amerika Syarikat dan 10 peratus di Perancis.

Tuan Yang di-Pertua, tahun lalu, kita melahirkan kebimbangan kerana melebarnya defisit akaun semasa imbalan pembayaran negara. Maklumat terakhir menunjukkan defisit akaun semasa dijangka berkurangan kepada 7.9 bilion ringgit atau 5.6 peratus dari Keluaran Negara Kasar (KNK). Sungguhpun masih besar, defisit ini telah berkurangan berbanding dengan defisit sebanyak 12.5 bilion ringgit atau 10.1 peratus dari KNK pada tahun 1991. Ini disebabkan pertumbuhan eksport barangan terus kukuh pada kadar 10.7 peratus bagi tahun ini, manakala peningkatan import barangan dianggarkan hanya 5 peratus. Kekuatan eksport telah menghasilkan lebihan dalam akaun dagangan sebanyak 4.6 bilion ringgit berbanding dengan defisit sebanyak 461 juta ringgit pada tahun 1991. Di samping itu, sumbangan yang semakin bertambah dari industri pelancongan telah membantu menyederhanakan defisit akaun

perkhidmatan. Dengan itu, keseluruhan imbalan pembayaran negara bertambah kukuh.

Keyakinan pelabur terhadap ekonomi kita terus kuat. Kita terus menerima pelaburan baru dan juga cadangan untuk membesarkan pelaburan yang sedia ada. Sehingga bulan September, sejumlah 16.9 bilion ringgit pelaburan asing telah diluluskan. Pelaburan korporat asing untuk keseluruhan tahun ini dijangka berjumlah 10.4 bilion ringgit berbanding 11.2 bilion ringgit pada tahun 1991. Jumlah tersebut masih besar meskipun berkurangan secara perbandingan.

Krisis kewangan yang melanda Eropah baru-baru ini tidak menjejaskan ringgit. Bahkan, nilai ringgit semakin kukuh dan stabil; meningkat 8 peratus berbanding dengan mata wang komposit, khususnya 9 peratus berbanding dengan dolar Amerika Syarikat. Nilai ringgit pernah jatuh dengan ketara berikutan penyelarasan Perjanjian Plaza pada 22 September 1985. Nilai ringgit sekarang kembali kepada paras sebelum perjanjian tersebut, dan dengan itu tidak menjejaskan daya saing barangan Malaysia. Pengukuhan ringgit juga telah mengurangkan nilai import alat kelengkapan dan jentera dan ini akan memberikan manfaat kepada industri. Namun perlu ditegaskan bahawa daya saing industri sebenarnya lebih bergantung kepada produktiviti, pengurangan kos dan kemampuan menghasilkan barangan bermutu.

Pengukuhan nilai ringgit juga membantu negara mengurangkan hutang luar. Jumlah hutang luar negara akan berkurang kepada 40 bilion ringgit pada penghujung tahun ini berikutan langkah pembayaran awal. Sektor swasta telah juga mengambil langkah yang sama atau membiayai semula hutang dengan syarat-syarat yang kompetitif dan menguntungkan. Peningkatan kadar faedah dalam negeri

telah menggalakkan aliran masuk tukaran asing. Ini telah membantu meningkatkan rizab antarabangsa hampir 43 bilion ringgit. Tuan Yang di-Pertua, inilah buat pertama kalinya rizab antarabangsa negara melebihi jumlah hutang negara dan mampu membiayai 5 bulan import tertangguh (*Tepuk*) berbanding dengan 3.6 bulan pada tahun 1990. Pencapaian ini wajar dipertahankan demi menghindarkan dari belenggu hutang yang boleh mencengkam kita.

Strategi belanjawan berhemat telah mula menampakkan hasil kerana kedudukan akaun semasa Kerajaan pada hujung tahun ini dijangka menunjukkan lebih sebanyak 4.3 bilion ringgit satu peningkatan sebanyak 57 peratus melebihi anggaran 2.7 bilion ringgit pada tahun 1991. Lebih ini adalah besar dan menggembirakan jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya. Namun, di tahap ini kita harus bersedia beralih untuk melihat lebih bukan sahaja dalam akaun semasa tetapi keseluruhan tanggungan Kerajaan termasuk menampung sebahagian besar dari perbelanjaan pembangunan. Setelah mengambil kira keperluan pembiayaan perbelanjaan pembangunan, keseluruhan kedudukan kewangan Kerajaan masih mengalami defisit, tetapi akan berkurangan kepada 4.3 bilion ringgit atau 3.1 peratus dari KNK 1992 berbanding dengan 5.6 bilion ringgit atau 4.6 peratus dari KNK 1991.

Sementara kita berbangga dengan kejayaan ekonomi keseluruhannya, masalah inflasi masih merunsingkan. Golongan pesimis telah meramalkan bahawa inflasi akan bertambah buruk melangkaui paras 5 peratus tahun ini. Tetapi ketegasan langkah kewangan yang kita laksanakan telah memungkinkan Indeks Harga Pengguna dikawal pada paras 4.6 peratus. Secara perbandingan, kadar inflasi di negara kita masih rendah. Namun, kita prihatin dengan beban yang terpaksa dipikul

oleh golongan berpendapatan rendah dan sederhana kerana kenaikan harga barang makanan adalah komponen terbesar yang menyebabkan kenaikan kadar inflasi. Indeks Harga Makanan meningkat pada kadar 6.8 peratus. Harga sayur dan buah-buahan meningkat 16 peratus manakala harga ikan meningkat 14 peratus dalam tempoh sehingga hujung Ogos kerana kekurangan bekalan dan sistem pengedaran. Jelas bahawa langkah kewangan sahaja tidak mencukupi untuk melegakan tekanan inflasi. Pertumbuhan permintaan agregat perlu dikawal dengan dasar fiskal yang tegas. Kenaikan upah juga perlu dikawal kerana selain kesannya terhadap inflasi ia juga boleh menjejaskan daya saing jangka panjang ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1993 diutarakan bukan sekadar untuk "mengurus kejayaan" atau membuat penyesuaian sampingan sepertimana diuraikan dalam belanjawan yang lalu, termasuk imbalan pembayaran, tekanan inflasi, kekurangan tenaga pekerja dan kesesakan infrastruktur. Yang lebih mencabar lagi ialah tuntutan merangka strategi menyeluruh untuk menangani cabaran agenda pembangunan untuk mengangkat martabat bangsa pada tahun-tahun mendatang. Ini termasuk langkah membina ketahanan ekonomi setelah mengambil kira persaingan sengit di rantau dan kelesuan di peringkat antarabangsa. Seterusnya ialah untuk meningkatkan tahap pemodenan ekonomi mantap dan sektor swasta yang mampu menghadapi persaingan pasaran, dan mempunyai keunggulan tandingan. Dengan demikian, permasalahan yang wajar dipecahkan, termasuklah penggunaan teknologi canggih, dan pembesaran infrastruktur untuk menggalakkan pertumbuhan industri baru.

Senario ekonomi antarabangsa masih diselubungi mendung. Era pasca perang dingin belum menjanjikan unipolar

yang aman kerana persaingan ekonomi tanpa tatacara adil menggantikan pertembungan ideologi. Orde baru dunia masih belum memperlihatkan penjelmaan kekuatan moral baru. Di sebaliknya, yang menjadi kebimbangan ialah keangkuhan kuasa besar yang lebih cenderung menggunakan isu persekitaran, hak asasi dan demokrasi tafsiran mereka sebagai asas ikutan semua negara di dunia. Anehnya, isu pokok kepincangan ekonomi mereka sendiri seperti defisit fiskal dan hutang, tidak berupaya ditangani dan ini melemahkan usaha pemulihan ekonomi dunia. Rundungan Perdagangan Pusingan Uruguay menghadapi jalan buntu kerana negara-negara maju enggan bertolak ansur dalam isu perdagangan pertanian. Kesungguhan mereka hanya terhad kepada melaksanakan dasar perlindungan yang pastinya meninggalkan kesan jangka panjang terhadap prospek ekonomi negara membangun, termasuk Malaysia.

Malaysia perlu mengambil sepenuh manfaat daripada kejayaan dan prospek cerah ekonomi Asia Timur. Perdagangan di kalangan negara-negara rantau Asia Timur telah berkembang pesat, sebanyak 95 peratus bagi tempoh 1987 hingga 1991. Lantaran itu, inisiatif Perdana Menteri dan usaha ASEAN bagi mewujudkan EAEC mencerminkan realiti ekonomi rantau ini. Integrasi serantau juga bermakna kita perlu meruntuhkan halangan-halangan terhadap perdagangan di kalangan kita. Pembentukan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) juga akan membawa cabaran baru kepada ekonomi Malaysia khususnya sektor swasta. Kecekapan dan daya saing sektor swasta amat kritikal dalam usaha kita merebut peluang baru rantau ini atau menceburi arena baru di Afrika, Amerika Selatan dan Eropah Timur. Peluasan hubungan perdagangan dan penerokaan pasaran baru akan mengurangkan pergantungan negara kepada pasaran tradisional terutamanya di negara-negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, pasaran modal Malaysia yang semakin mendalam dan canggih mendapat ransangan baru dengan penubuhan Suruhanjaya Sekuriti. Suruhanjaya ini diberi kuasa bertindak tegas dan bebas untuk menjamin ketelusan peraturan pasaran modal dan kewibawaan bursa. Bursa kita bukan tempat bagi mereka yang tamak haloba meraup keuntungan sekelip mata melalui manipulasi pasaran. Sekiranya ini masih berlaku, Suruhanjaya akan memastikan penjenayah tersebut tidak terlepas dari hukuman.

Langkah yang kita ambil akan meningkatkan keyakinan masyarakat pelabur terhadap pasaran modal kita dan membolehkannya terus mara bersaing dengan pasaran yang telah lama wujud di rantau ini. Rang Undang-undang Akta Perindustrian Niaga Hadapan akan dibentang di Dewan ini untuk memperkenalkan dan mengawal urusan niaga hadapan kewangan. Instrumen urusan niaga akan bertambah luas dan pasaran bon akan menambah potensi pelaburan dan tabungan. Perkembangan yang pesat ini akan membantu sektor swasta mendapatkan dana dengan keaneakan instrumen untuk pengembangan pelaburan mereka.

Kerajaan memikul amanah dan tanggungjawab untuk menyediakan pelbagai kemudahan kepada rakyat. Namun, keghairahan terus berbelanja tanpa arah tertentu dan kawalan dalam suasana pertumbuhan ekonomi yang pesat sekalipun boleh menjejaskan kemampuan ekonomi jangka panjang. Pengurangan perbelanjaan boleh diamalkan tanpa menjejaskan asas ekonomi negara atau mengorbankan kesejahteraan rakyat. Kita sedang menuju ke suatu tahap pengukuhan ekonomi yang menjurus ke matlamat jangka panjang belanjawan berimbang. Justeru itu, pengawalan yang rapi terhadap perbelanjaan akan terus dikekalkan dan setiap projek akan diteliti supaya menyumbang ke arah pertumbuhan

ekonomi negara. Kerajaan telah menetapkan bahawa paras maksimum Rancangan Malaysia Keenam perlu dikekalkan, dan dari itu, keutamaan belanjawan pembangunan akan dirangka semula.

Kemajuan yang dicapai tidak akan menjamin kehidupan sempurna jika mutu alam sekitar merosot. Pembangunan dengan pemusnahan alam sekitar akan berakhir sebagai dengan izin, "zero-sum game"; segala kemajuan yang tercapai dilupuskan oleh pencemaran alam terutamanya pada dua keperluan terpenting kehidupan—udara dan air. Jika kita mengingini kesinambungan pembangunan hingga ke generasi masa depan, maka pencemaran dan kemerosotan alam sekitar perlu diatasi. Pencemaran mempunyai kosnya yang tersendiri yang lambat-laun menjelma sebagai masalah yang tenat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan mengambil kira permasalahan tersebut, saya ingin mengemukakan strategi berikut dalam Belanjawan 1993:

- (i) memastikan pengurusan fiskal yang berhemat;
- (ii) membendung inflasi;
- (iii) meningkat keupayaan dan daya saing sektor swasta; dan
- (iv) mengangkat martabat bangsa.

Pengurusan fiskal yang berhemat menjadi kunci kepada usaha untuk menangani dua persoalan ekonomi sekaligus. Pertama, kita perlu mengawal permintaan agregat untuk membendung tekanan inflasi dan kedua untuk mengurangkan beban cukai kepada rakyat. Justeru itu, saya mencadangkan peruntukan mengurus dan pembangunan 1993 sebanyak 44.144 bilion ringgit iaitu pengurangan sebanyak 8.1 peratus berbanding dengan jumlah peruntukan tahun ini. Peruntukan mengurus berjumlah 32.290 bilion ringgit sementara peruntukan pembangunan ialah 11.854 bilion ringgit.

Jabatan dan agensi Kerajaan harus mengambil pendirian positif dan menyegerakan tindakan perbelanjaan dengan cermat dan berhemat. Kecekapan pengurusan dan peningkatan produktiviti dengan sendirinya akan mengurangkan kos. Janganlah dipertahankan kecenderungan membazir atas alasan tanggungjawab sosial, membantu bumiputera atau menolong rakyat miskin. Tekad kita membela nasib rakyat tidak harus dibatasi dengan retorik tetapi perlu diterjemahkan dalam bentuk amal menurut kaedah dan fasa pembangunan semasa.

Cara pelaksanaan dasar penswastaan Malaysia adalah unik. Kita telah berjaya menggabungkan prinsip kecekapan dan keuntungan dengan tanggungjawab sosial. Pendekatan ini berjaya mencapai beberapa tujuan antara lain mengurangkan beban kewangan Kerajaan ketika yang sama mendokong cita-cita Dasar Pembangunan Negara terutamanya pembinaan Masyarakat Perdagangan dan Perusahaan Bumiputera. Umpamanya, Proton bukan sahaja perlu dicontohi dalam kejayaan menembusi pasaran Eropah yang amat kompetitif, tetapi kejayaannya merangka sistem vendor atau rangkaian pembekal-pembekal tempatan termasuk Bumiputera dalam komponen otomobil. Ini sekaligus memenuhi keperluan mewujudkan talian dengan industri kecil dan sederhana. Dengan menggunakan kebijaksanaan dan wewenang syarikat-syarikat seperti PNB, PETRONAS, Telekom, TNB dan lain-lain telah juga menjalankannya. Sebahagiannya diselaraskan oleh Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan Tabung Industri Bumiputera. Kita juga menyeru syarikat-syarikat multinational mengambil langkah yang sama.

Dengan meluasnya budaya korporat baru ini, syarikat-syarikat Kerajaan yang diswastakan dan juga syarikat-syarikat lain kini lebih prihatin tentang keperluan latihan, permasalahan sosial

dan kebajikan pekerja. Mereka telah membina pusat latihan, menyediakan dana bantuan pendidikan serta menyediakan pelbagai kemudahan kebajikan dan kebudayaan.

Amalan menambah perbelanjaan Kerajaan setiap tahun pada masa kini memang sukar hendak dipertahankan. Pertama, ia menimbulkan kesan negatif terhadap ekonomi keseluruhannya. Kedua, kita telahpun menerima keberkesanan dasar penswastaan dan akur dengan strategi menjadikan sektor swasta sebagai jentera utama pertumbuhan. Justeru itu, dengan wujudnya kesediaan sektor swasta melaksanakan program-program yang dahulunya dibebankan sepenuhnya kepada sektor awam, maka amatlah wajar keutamaan perbelanjaan Kerajaan ditentukan semula dengan memberi tumpuan kepada pembinaan infrastruktur, dan meneruskan program latihan dan program sosial yang lebih mendesak.

Sewajarnya langkah memantapkan dan mengukuhkan ekonomi harus bermula dalam keadaan ekonomi segar; tidak sehingga terpaksa bertindak cemas dalam keadaan separuh lemas. Pengalaman negara-negara maju sekalipun, telah membuktikan bahawa sekiranya amalan boros berbelanja lebih dari kemampuan diteruskan, akhirnya pasti terjerut dengan beban hutang besar. Dengan mengenyampingkan pertimbangan makro, ekonomi dicengkam dengan masalah struktural termasuk defisit yang besar, yang pasti menjejaskan keyakinan. Manakala ini berlaku, kadar pelaburan akan berkurangan, pengangguran akan meningkat dan mencetuskan krisis kewangan. Pengalaman ghairah berbelanja melebihi keupayaan oleh negara-negara maju harus dijadikan iktibar agar kita tidak menerima padah lebih parah.

Lantaran itu, kita harus berwaspada, bersedia melangkah tegas dengan bijaksana sebagai satu pasukan padu

mengharungi gelombang bersama. Sebab itulah, dalam Belanjawan ini saya cadangkan pengurangan peruntukan belanjawan yang agak ketara. Tuan Yang di-Pertua, saya pohon kita semua bersedia menghadapi potongan peruntukan dengan sabar.

Jumlah hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1993 dijangka meningkat kepada 39.119 bilion ringgit berbanding dengan anggaran sebanyak 38.1 bilion ringgit tahun ini. Pertambahan ini akan diperolehi dari cukai pendapatan, cukai jualan dan perkhidmatan. Setelah mengambilkira pertambahan hasil dan cadangan perbelanjaan mengurus sebanyak 32.29 bilion ringgit, akaun semasa Kerajaan Persekutuan akan mencatatkan lebih sebanyak 6.829 bilion ringgit yang akan digunakan untuk membiayai projek pembangunan. Lebih ini adalah yang paling tinggi yang pernah dicapai dalam belanjawan Kerajaan. (*Tepuk*)

Walaupun lebih ini merupakan satu rekod, ia masih belum berupaya membiayai keseluruhan perbelanjaan yang diperlukan. Kerajaan masih menghadapi defisit belanjawan keseluruhan sebanyak 5.025 bilion setelah mengambilkira keperluan pembiayaan pembangunan yang dijangka berjumlah 11.85 bilion ringgit. Lebih ini adalah sesuatu yang baik dalam suasana ekonomi yang kukuh selaras dengan hasrat jangka panjang kita. Dasar ini amatlah sesuai bagi mengukuhkan asas ekonomi negara, untuk menangani sebarang kemungkinan permasalahan ekonomi. Yang penting sekali, ia tidak akan memaksa Kerajaan untuk mengambil tindakan mendadak yang membebankan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan perbelanjaan mengurus tahun 1993 berjumlah 32.9 bilion ringgit, kurang sebanyak 8.4 peratus dari jumlah perbelanjaan tahun ini. Sebanyak 11.935 bilion ringgit diperuntukkan

bagi emolumen agensi-agensi dan badan-badan berkanun Kerajaan Persekutuan. Peruntukan emolumen berkurang sebanyak 1.437 bilion ringgit atau 10.7 peratus kerana sebahagian besar bayaran tunggakan serta pelarasan gaji SSB telah dibuat dalam tahun ini. Namun demikian, peruntukan emolumen masih besar, iaitu purata 30 peratus daripada perbelanjaan mengurus setiap tahun. Sebagai langkah susulan, saiz perkhidmatan awam perlu dikurangkan. Selaras dengan dasar ini, sebahagian dari 160,000 jawatan kosong akan dimansuhkan sekiranya didapati terus kosong untuk tempoh melebihi tiga tahun. Saiz tersebut masih boleh dkecilkan lagi jika pertindihan fungsi agensi-agensi Kerajaan dihapuskan. Sebagai permulaan, cadangan menyusun semula Lembaga-lembaga Pembangunan Wilayah akan dikemukakan semula untuk pertimbangan Kerajaan.

Sejumlah 4.333 bilion ringgit disediakan di bawah Perkhidmatan dan Bekalan bagi maksud penyelenggaraan, pembelian bahan, bayaran perkhidmatan, sewaan dan keperluan pengurusan lain. Manakala sejumlah 716 juta ringgit disediakan di bawah Aset bagi pembelian alat kelengkapan, penggantian kenderaan dan jentera dan kerja-kerja pembaikan bangunan.

Di bawah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak 16.2 bilion ringgit disediakan untuk geran dan bantuan kepada Kerajaan negeri dan badan berkanun, bayaran khidmat hutang, pencen dan ganjaran, biasiswa, serta sumbangan kepada beberapa Kumpulan Wang Terkanun. Dari jumlah 7.6 bilion ringgit yang diperuntukkan untuk bayaran khidmat hutang, sebanyak 1.5 bilion ringgit akan digunakan untuk bayaran khidmat hutang luar negeri. Jumlah ini adalah lebih rendah berbanding dengan 1.8 bilion ringgit yang akan dibelanjakan

dalam tahun 1992 untuk maksud tersebut. Pengurangan ini disebabkan oleh beberapa bayaran awal yang telah dibuat dan pinjaman luar yang telah berkurangan dalam tahun-tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan pembangunan tahun 1993 ialah sebanyak 11.854 bilion ringgit. Jumlah ini merupakan pengurangan 7.4 peratus daripada peruntukan pembangunan bagi tahun 1992. Dalam menyediakan peruntukan ini, keutamaan telah diberikan untuk projek-projek infrastruktur, penyelidikan dan pembangunan (R&D), pemuliharaan alam sekitar dan pembasmian kemiskinan. Daripada peruntukan tersebut, 47.8 peratus adalah untuk sektor ekonomi, 23.7 peratus untuk sektor sosial, 21.2 peratus untuk sektor keselamatan dan 3.1 peratus untuk keperluan pentadbiran am. Bakinya sebanyak 500 juta ringgit adalah untuk Simpanan Luar Jangka.

Kementerian Pendidikan diberi peruntukan mengurus sebanyak 7.312 bilion ringgit. Tambahan yang diberi adalah untuk membiayai emolumen termasuk bagi pengambilan 9,600 guru baru. Kos perkhidmatan dan bekalan sekolah adalah untuk melanjutkan program reformasi pendidikan yang meliputi matapelajaran kemahiran hidup, usaha meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dan pembaharuan kurikulum lainnya. Dari sejumlah 1.199 bilion ringgit untuk pembangunan, tumpuan diberi kepada bidang latihan teknikal dan vokasional, pembiayaan untuk projek pembangunan sekolah serta pembinaan sekolah-sekolah baru. Sebanyak 631 juta ringgit diperuntukkan untuk politeknik dan institusi pendidikan tinggi. Peruntukan juga disediakan untuk kampus baru Universiti Islam Antarabangsa di Gombak dan kajian kemungkinan kampus perubatan universiti tersebut di Kuantan dan Universiti Sarawak Malaysia.

Peruntukan mengurus berjumlah 1.933 bilion ringgit disediakan untuk Kementerian Kesihatan bagi emolumen dan pengambilan sejumlah 2,740 kakitangan baru termasuk pegawai perubatan, pembantu dan jururawat. Sebanyak 567 juta ringgit disediakan untuk pembelian ubat dan alat perubatan serta aktiviti pencegahan, kawalan dan rawatan bagi penyakit-penyakit berjangkit seperti hepatitis dan AIDS. Projek pembangunan yang akan dilaksanakan termasuk projek meneruskan pembinaan 37 hospital baru, 12 poliklinik, beberapa pusat kesihatan serta klinik desa di samping menaikkan taraf kemudahan kesihatan sedia ada, dan ini melibatkan peruntukan sebanyak RM550 juta ringgit.

Kementerian Kewangan diperuntukkan perbelanjaan mengurus sebanyak 2.071 bilion ringgit. Sebahagian besar daripada jumlah ini adalah bagi membiayai sumbangan kepada beberapa Kumpulan Wang Terkanun seperti Kumpulan Wang Tabung Pencen dan Kumpulan Wang Tabung Pinjaman Pelajaran. Sebanyak 158.9 juta disediakan untuk projek pembangunan termasuk memenuhi keperluan logistik dan perumahan bagi Jabatan Kastam dan Eksais Diraja serta projek-projek pembangunan tambahan di Labuan dan Pulau Langkawi.

Peruntukan mengurus Kementerian Dalam Negeri adalah 1.775 bilion ringgit untuk antara lainnya melaksanakan sistem komputer bagi kesemua kontingen polis daerah dan bagi mempertingkatkan cawangan jenayah dagangan. Sebahagian besar daripada peruntukan pembangunan yang berjumlah 755 juta ringgit adalah bagi pembinaan ibu pejabat polis dan perumahan untuk anggota polis. Sejumlah 120 juta ringgit disediakan untuk mempercepat pembinaan 9,600 unit rumah di bawah rancangan kilat perumahan polis. Selain itu, sejumlah

26.6 juta ringgit disediakan bagi projek pembinaan pejabat dan perumahan untuk Jabatan Imigresen.

Jabatan Perdana Menteri dan agensi-agensinya disediakan perbelanjaan mengurus sebanyak 1.236 bilion ringgit untuk membiayai program biasiswa dan bantuan pendidikan, pemberian dan sumbangan kepada badan-badan antarabangsa dan bagi perkhidmatan serta bekalan. Sebanyak 448 juta ringgit disediakan untuk perbelanjaan pembangunan adalah bagi meneruskan pelaksanaan projek-projek HICOM, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Pusat Penyelarasan Maritim, Program Khas Bina Semangat dan Planetarium Kuala Lumpur.

Kementerian Pertanian diberi peruntukan mengurus sebanyak 890 juta ringgit bagi meneruskan program perkhidmatan pengembangan, pengendalian ladang dan pusat ternakan serta pemberian pelbagai jenis bantuan untuk petani termasuk subsidi harga padi. Peruntukan ini termasuk perbelanjaan mengurus MARDI, Lembaga Pertubuhan Peladang, LKIM dan FAMA. Di antara pembiayaan projek-projek pembangunan yang berjumlah 860 juta ringgit ialah projek pertanian KADA, MADA dan LPN, projek pengairan dan saliran, rancangan tabatan banjir, projek mencegah hakisan pantai dan projek IADP.

Kementerian Pertahanan diberi peruntukan mengurus sebanyak 3.212 bilion ringgit untuk membiayai perbelanjaan emolumen dan bagi pembelian bahan-bahan seperti bekalan makanan, bahan bakar, pembelian kenderaan serta alat-alat ganti bagi kenderaan, pesawat dan kapal. Sebahagian besar daripada peruntukan pembangunan berjumlah 1.892 bilion ringgit ialah untuk meneruskan program penggantian dan pemodenan peralatan tentera di bawah Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan

Malaysia dengan United Kingdom. Selain itu, peruntukan sebanyak 250 juta ringgit telah juga disediakan untuk pembelian pesawat pejuang. Untuk segera meringankan masalah perumahan anggota tentera, peruntukan sebanyak 100 juta ringgit disediakan selain beberapa projek perumahan yang dikendalikan secara penswastaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah kesesakan dan memodenkan kemudahan infrastruktur, sejumlah 2.688 bilion ringgit diperuntukkan. 1.7 bilion akan digunakan untuk pelaksanaan projek jalan raya, jambatan jalan-jalan desa dan 753 juta ringgit pula disediakan untuk projek penerbangan awam bagi membiayai kos pengambilan balik tanah, kerja-kerja reka bentuk dan kejuruteraan awal Projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang serta peningkatan alat keselamatan penerbangan di Sabah dan Sarawak. 150 juta ringgit lagi diperuntukkan untuk meneruskan pembinaan landasan berkembar dan kerja-kerja pemulihan landasan keretapi. Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan bagi projek Rail Transit Ringan Kuala Lumpur peringkat pertama untuk dilaksanakan secara penswastaan dengan pinjaman dari Kerajaan.

Bagi kemudahan asas desa dan kawasan terpencil, 596 juta ringgit disediakan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Kerja Raya untuk projek bekalan air. Untuk memperluas bekalan elektrik khususnya bagi kawasan desa, sebanyak 157 juta ringgit diperuntukkan.

Pada tahun lalu, Kerajaan telah menubuhkan Kumpulanwang Pembangunan Sumber Manusia dengan tujuan menggalakkan sektor swasta melaksanakan program latihan kemahiran. Kerajaan akan menyumbangkan 16.3 juta ringgit kepada

Kumpulanwang ini bagi tahun 1993 dan akan terus memberi sumbangan untuk dua tahun berikutnya. Sektor swasta dikehendaki memberi sumbangan yang setimpal. Mulai tahun 1996, Kumpulanwang ini akan dapat dibiayai sepenuhnya oleh sektor swasta.

Bagi menambahkan pengeluaran tenaga mahir, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan dan MARA dijangka dapat melatih sebanyak 20,000 pekerja mahir pada tahun 1993.

Asas utama hendak menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian terletak kepada keahlian kita menggunakan ilmu terutama dalam bidang sains dan teknologi. Justeru itu, kita perlu memberikan penegasan khusus kepada usaha melatih, mengkaji, menyelidik dan seterusnya mencipta teknologi baru yang boleh membantu ekonomi kita supaya lebih berdaya saing. Bagi tahun 1993, kita menyediakan peruntukan sebanyak 118 juta ringgit bagi membiayai aktiviti penyelidikan dan pembangunan di bawah program Penumpuan Penyelidikan Dalam Bidang-bidang Keutamaan (IRPA). Peruntukan tersebut akan diagihkan kepada 29 institusi penyelidikan dan pengajian tinggi sektor awam untuk menjalankan penyelidikan dalam bidang pertanian, perhutanan, perindustrian, pembuatan dan sains sosial. Di samping itu, setiap institusi pengajian tinggi juga diberi peruntukan untuk penyelidikan jangka panjang.

Selain itu, peruntukan sebanyak 210 juta ringgit telah disediakan bagi beberapa agensi yang menjalankan aktiviti penyelidikan seperti MRRDB, MARDI, SIRIM dan MIMOS. Adalah penting kajian dan teknologi tersebut disebarkan dengan berkesan untuk kegunaan industri tempatan. Kerjasama antara institusi R&D dengan sektor swasta perlu dipereratkan supaya industri tempatan dapat memanfaatkan teknologi terkini.

Teknologi komputer telah berkembang pesat melewati dunia penyelidikan sains kepada rakyat terbanyak. Mengenangkan keperluan komputer di kalangan pelajar, peniaga, jabatan Kerajaan dan masyarakat awam termasuk Ahli-ahli Dewan Rakyat kian meningkat, saya mencadangkan duti import ke atas komputer dan komponennya juga dimansuhkan. (*Tepuk*).

Kerajaan sentiasa mengkaji pemberian dan bantuan kewangan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya mereka berupaya meningkatkan kemudahan infrastruktur, ekonomi dan sosial bagi menaikkan lagi taraf mutu hidup penduduk. Dalam belanjawan 1992, Kerajaan bersetuju menambah jumlah peruntukan di bawah Pemberian Mengikut Bilangan Orang daripada 100 juta ringgit setahun kepada hampir 200 juta ringgit setahun. Mulai 1993, Kerajaan bercadang menambah pemberian di bawah Geran Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Ini dianggar akan melibatkan pertambahan 70 juta ringgit daripada peruntukan sekarang yang berjumlah 100 juta ringgit. Selain itu, Kerajaan juga telah memutuskan untuk menyediakan satu pemberian khas tahunan kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan bagi maksud perkhidmatan dan penyelenggaraan.

Perbelanjaan Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) berjumlah 8.711 bilion ringgit. Sebahagian besarnya adalah untuk melaksanakan projek-projek kemudahan elektrik di Paka, Pasir Gudang dan Pergau, perluasan alat kelengkapan telekom, pembelian pesawat MAS, program Fasa II Syarikat Perkapalan MISC serta pelaksanaan projek penggunaan gas PGU II dan Loji Penapisan PETRONAS. Projek-projek ini adalah penting bagi meningkatkan keupayaan infrastruktur dan kemudahan awam.

Walaupun perbelanjaan PABK tidak melibatkan peruntukan Kerajaan, agensi-agensi ini juga perlu meningkatkan pengawalan perbelanjaan selaras dengan dasar pertanggungjawaban.

Tuan Yang di-Pertua, kadar inflasi telah meningkat secara beransur-ansur kepada 4.4 peratus pada tahun 1991 dan 4.6 peratus tahun ini. Kita perlu mengawal kenaikan tersebut dan seterusnya menurunkan kadar inflasi ke paras di bawah 4 peratus. Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah kewangan untuk mengurangkan kecairan, iaitu bekalan wang dan lain-lain mudah tunai, dalam sistem bank. Syarat-syarat ketat telah dikenakan ke atas pinjaman pembelian kenderaan dan penggunaan kad kredit. Langkah-langkah ini telah mengurangkan penggunaan dan menyederhanakan permintaan. Kita akan meneruskan dasar kewangan yang ketat sehingga matlamat tercapai. Langkah fiskal yang tegas yang saya bentangkan sebentar tadi akan turut melegakan permintaan.

Selain langkah kawalan kewangan dan fiskal yang ketat, pengendalian masalah inflasi secara berkesan dan padu akan menjamin keberlangsungan pertumbuhan ekonomi. Dari itu, saya mencadangkan beberapa langkah tambahan untuk menurunkan paras harga pengguna, meningkatkan pengeluaran bahan makanan serta menambahkan tabungan.

Kekurangan bekalan makanan adalah antara punca utama inflasi. Maka satu Tabung Industri Pengeluaran Makanan akan dibentuk untuk menyediakan kemudahan kredit bagi membiayai penanaman, pengeluaran dan pengedaran bahan makanan. Tabung ini akan mempunyai dana sebanyak 300 juta ringgit dan akan mengenakan kadar faedah tetap sebanyak 7.75 peratus setahun untuk tempoh lima tahun.

Tabung ini hanya akan berkesan sekiranya mendapat kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri bagi menyediakan lebih banyak tanah yang sesuai untuk pengeluaran sayur, buah-buahan, ternakan dan pengeluaran ikan. Agensi-agensi pemasaran perlu melipatgandakan usaha untuk mengatasi masalah yang mendesak ini. Sementara itu kita akan mengkaji langkah yang bersesuaian untuk menarik penyertaan sektor swasta dalam memodenkan sistem pemasaran dan pengedaran.

Pada tahun 1987, Kerajaan telah melaksanakan skim rebat eksport ke atas keluaran pertanian, iaitu pengeluaran dan pengeksport pertanian diberi rebat eksport berdasarkan formula tertentu. Insentif ini diberi untuk menggalakkan pengeluar mengeksport hasil keluaran mereka dan seterusnya menembusi pasaran eksport. Galakan ini telah disemak dan didapati tidak perlu lagi memandangkan permintaan di dalam negeri yang kian meningkat. Oleh itu saya mencadangkan skim rebat (rebate) tersebut dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita masih lagi bergantung kepada barangan pengguna yang diimport. Sebahagian barangan tersebut masih lagi tertakluk kepada duti import. Untuk membolehkan rakyat membeli barangan tersebut dengan harga yang lebih murah, saya mencadangkan supaya duti import ke atas lebih daripada 600 jenis barangan termasuk bahan makanan, barangan isi rumah, pakaian, elektrik dan elektronik dikurangkan di antara 10 hingga 30 peratus dan sebahagian lagi duti importnya dihapuskan (*Tepuk*). Cadangan ini termasuk juga memansuhkan duti import ke atas komponen yang digunakan dalam pengeluaran barangan siap yang tidak berduti seperti jam tangan, kamera dan kamera video (*Ketawa*). Tindakan ini bukan sahaja akan membantu mengurangkan tekanan inflasi, tetapi juga akan

menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih liberal dari segi perdagangan.

Kita sedar bahawa sebahagian barangan serupa juga dikeluarkan oleh industri tempatan yang selama ini mendapat perlindungan tarif. Tetapi kita berkeyakinan bahawa setelah sekian lama dilindungi, industri berkenaan telah memiliki kecekapan dan mampu bersaing dengan keluaran asing. Langkah mengurangkan perlindungan ini wajar dicontohi oleh negara-negara yang inginkan perdagangan bebas seperti yang dianjurkan oleh GATT dan AFTA. Perlu ditegaskan bahawa pengurangan cukai ini adalah untuk pengguna, bukannya untuk peniaga tamak membuat keuntungan berlebihan (*Tepuk*). Harga barangan perlu dikurangkan sepadan dengan pengurangan cukai. Persatuan-persatuan dan majlis-majlis pengguna perlu mengawasi supaya peniaga mengurangkan harga barangan berkenaan selain penguatkuasaan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Ketegaran pasaran buruh telah menyebabkan kadar upah meningkat dengan ketara beberapa tahun kebelakangan ini. Kenaikan ini bukan sahaja turut memberikan tekanan kepada harga; ia juga boleh menghakis daya saing ekonomi lebih-lebih lagi apabila kenaikan harga upah mengatasi pertambahan produktiviti. Dalam tempoh 1989-1991 upah dalam sektor perkilangan telah meningkat pada kadar 6.2 peratus, berbanding 1.4 peratus bagi tempoh 1986-1988. Kita dapat mengekalkan daya saing kita kerana dalam tempoh yang sama produktiviti meningkat pada kadar 8.9 peratus. Walau bagaimanapun keadaan ini agak membimbangkan kerana jurang tersebut semakin rapat.

Adalah penting, dalam suasana sekarang, para majikan mengawal kenaikan upah. Cadangan penubuhan Majlis Upah Negara akan membantu

penyelarasan kadar upah yang munasabah di kalangan sektor swasta. Kesatuan-kesatuan sekerja harus memahami hakikat bahawa tuntutan kenaikan upah semata-mata berdasarkan kekurangan buruh bukanlah tindakan yang munasabah. Kenaikan upah tanpa peningkatan produktiviti hanya bersifat sementara kerana tambahan gaji tersebut akan dihapuskan oleh kenaikan harga. Pihak pengurusan pula perlu mengambil sikap positif untuk menyediakan program latihan meningkat ketrampilan dan kepakaran baru kepada pekerja dan tidak mengambil jalan singkat mencuri pekerja mahir dari syarikat lain. Meskipun Kerajaan telah membenarkan penggunaan buruh asing, para pengeluar janganlah terlalu bergantung kepadanya, sebaliknya patut beralih kepada proses pengeluaran yang menjimatkan buruh.

Tuan Yang di-Pertua, tabungan yang tinggi merupakan sumber ketahanan ekonomi kerana melaluinya negara akan dapat menampung tahap pelaburan yang tinggi. Negara-negara yang dapat menunjukkan prestasi pertumbuhan yang baik semuanya mempunyai tahap tabungan antara 30 hingga 40 peratus daripada KNK. Kadar tabungan di Malaysia telah meningkat hingga mencapai 33.6 peratus pada tahun 1988. Malangnya kadar ini telah merosot kepada hanya 31 peratus pada masa ini dan belum menjangkau 36 peratus berdasarkan unjuran Rancangan Malaysia Keenam. Dari itu, tabungan haruslah ditingkatkan bagi mengurangkan penggunaan dan tekanan inflasi.

Tabungan awam yang digerakkan melalui KWSP berjumlah di sekitar 8.5 peratus dari keseluruhan tabungan negara. Ketika ini majikan memberi caruman sebanyak 11 peratus manakala pihak pekerja mencarum sebanyak 9 beratus. Saya bercadang menaikkan kadar caruman tersebut bermula 1 Januari 1993 kepada 12 peratus di pihak majikan dan 10 peratus di pihak pekerja.

Langkah ini akan meningkatkan tabungan KWSP sebanyak 566 juta ringgit setahun di samping membantu melegakan tekanan inflasi. Para pekerja pula akan menikmati simpanan yang lebih selepas bersara.

KWSP akan memikul amanah yang lebih besar dengan tambahan kadar caruman majikan dan pekerja. Dana yang kini berjumlah 58 bilion ringgit akan meningkat lagi dan justeru itu perlu diurus dengan lebih profesional dan produktif. Peranan Panel Pelaburannya telah diperluas untuk mempelbagaikan pelaburan dan menjamin pulangan yang memuaskan. Para pencarum boleh menikmati kemudahan baru dan perkhidmatan yang lebih baik dengan kemajuan KWSP.

Bagi mempertingkatkan lagi tabungan, instrumen baru perlu diperkenalkan di pasaran. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah memajukan pasaran bon dan antaranya termasuklah penubuhan Rating Agency Malaysia Berhad (RAM) yang sudah mula beroperasi dan membuat beberapa pentarafan bon. Pentarafan seperti ini boleh menambah keyakinan orang ramai melabur menerusi pembelian bon. Pasaran bon yang maju akan menjadikan sistem kewangan lebih berkemampuan menghadapi sebarang keadaan dan dapat pula mendorong orang ramai menabung menerusi pembelian bon. Sebagai langkah memperluas penyertaan rakyat dalam pasaran bon Bank Negara Malaysia akan mengeluarkan bon simpanan bernilai satu bilion ringgit yang akan dijual kepada individu dan institusi dengan kadar faedah yang menarik.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa pembaharuan yang diperkenalkan kebelakangan ini menjurus kepada penyertaan sektor swasta secara lebih aktif dan dinamik. Bahkan, kesempatan dan ruang secukupnya diberikan kepada sektor swasta melalui pelbagai insentif dan kemudahan. Pegawai sektor awam juga telah diminta membantu

mendorong penyertaan sektor swasta dalam semangat persyarikatan Malaysia. Kemuncaknya ialah seperti yang tertera dalam perjalanan Majlis Perniagaan Malaysia sebagai wadah berkesan kerjasama Kerajaan dan swasta yang dipimpin sendiri oleh Perdana Menteri. Semangat yang sama diperlihatkan dalam rombongan perdagangan ke luar negara yang diselenggarakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Mengingatkan kepada peranan yang kian mencabar, sektor swasta wajar menilai semula keberkesanan dan kemampuan mereka, kerana swasta tidaklah semestinya sinonim dengan kecekapan, inovatif dan dinamik. Ketergantungan kepada monopoli, insentif dan bantuan tarif tidak menjamin penerusan industri dalam suasana persaingan yang kian rancak.

Kerajaan akan terus mengambil langkah positif untuk menggalakkan penyertaan swasta dan tindakan setimpal harus pula diambil oleh pihak swasta. Ini melibatkan pelaburan baru, pembaharuan teknologi, tumpuan terhadap penyelidikan; dan akhirnya usaha mengurangkan kos, menjamin mutu pengeluaran dan meningkatkan kecekapan. Sementara itu, langkah-langkah tambahan memperbaiki infrastruktur dan memperkenalkan beberapa pembaharuan dalam sistem percukaian akan membantu daya saing industri.

Untuk menjamin pendekatan yang paling cocok, beberapa perubahan ke atas sistem percukaian diperkenalkan secara berperingkat. Tahun lalu, saya mengumumkan kajian semula skim galakan selaras dengan kemajuan ekonomi negara. Skim galakan akan terus diubah supaya pemberiannya akan dibuat secara terpilih. Perlu dijelaskan bahawa kelonggaran masih diberikan kepada negeri dan wilayah yang masih di tahap awal dan belum berjaya menarik industri secara besar-besaran.

Sepertimana yang ditekankan, Kerajaan memerlukan sistem percukaian yang cekap, telus (transparent) dan tidak menyebabkan kebocoran hasil; saksama dan progresif, dan merangsang pertumbuhan ekonomi. Pertimbangan juga dibuat kerana dikehendaki supaya pelaburan lebih menarik, berdaya saing dan membantu keupayaan mengeksport. Dengan ini saya cadangkan dikaji semula sistem cukai pendapatan syarikat dan individu supaya selaras dengan perubahan yang berlaku di rantau ini. Perubahan perlu juga dibuat terhadap cukai penggunaan bagi mengatasi kelemahan yang ada dan menggantikannya dengan sistem yang lebih saksama dan komprehensif.

Memandangkan saingan antara-bangsa untuk menjadikan Malaysia sebagai lokasi pelaburan adalah begitu sengit, dan sebagai galakan umum kepada pelaburan, kadar cukai pendapatan syarikat wajarlah diturunkan. Saya mencadangkan agar kadar cukai pendapatan syarikat dikurangkan sebanyak 1 peratus dari 35 peratus kepada 34 peratus mulai tahun taksiran 1993. (*Tepuk*) Sebagaimana telah saya janjikan tahun lalu, cukai pembangunan sebanyak 2 peratus akan juga dimansuhkan mulai tahun taksiran yang sama. Pengurangan yang seterusnya pada masa hadapan akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bergantung kepada keperluan setelah mengambil kira perkembangan di dalam dan di luar negeri serta perubahan dan penyesuaian skim galakan pelaburan.

Langkah kita mengawal perbelanjaan dan dasar percukaian yang lebih saksama memberikan manfaat terus kepada rakyat. Saya mencadangkan supaya kadar cukai pendapatan individu diturunkan. (*Tepuk*) Dengan cadangan ini kadar terendah diturunkan dari 4 peratus kepada 2 peratus manakala kadar tertinggi dikurangkan dari 35 peratus kepada 34 peratus. (*Ketawa*)

Kadar-kadar cukai bagi kumpulan lain akan dikurangkan antara 1 hingga 2 peratus. Saya juga mencadangkan cukai pendapatan koperasi dikurangkan selaras dengan pengurangan cukai pendapatan individu. Tuan Yang di-Pertua, dengan pengurangan ini saya berharap janganlah masih ada yang cuba lari dari membayar cukai. (*Ketawa*) Kerajaan juga sedang menimbangkan cadangan melembagakan Jabatan Hasil Dalam Negeri bagi menentukan jentera kutipan hasil lebih berkesan.

Sepertimana yang diakui, struktur cukai penggunaan sekarang mempunyai beberapa kelemahan. Masih ada ruang untuk ditingkatkan kecekapan dan memastikan kutipan hasil yang setimpal dengan kemajuan ekonomi. Sudah sampai ketikanya kita memperkenalkan satu struktur cukai penggunaan yang lebih cekap, telus dan moden. Saya bercadang menggabungkan dan menyusun semula cukai-cukai jualan dan perkhidmatan yang sedia ada, kepada satu cukai penggunaan yang akan dinamakan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (CJP). Dengan penggabungan ini kita akan dapat mengatasi beberapa masalah seperti kegiatan mencari keuntungan atas cukai, pindahan harga, kecenderungan layanan istimewa ke atas barangan import dan lain-lain penyelewengan. Oleh sebab cukai ini dikenakan ke atas penggunaan dan bukan ke atas pelaburan, ia akan membantu menggalakkan tabungan.

Cukai tersebut tidak akan membebankan golongan berpendapatan rendah. Beberapa rancangan dan perkhidmatan perlu dan perniagaan kecil akan dikecualikan dari cukai ini. Kadar cukai yang akan dikenakan kurang dari 10 peratus iaitu lebih rendah daripada kadar cukai jualan yang dikenakan ke atas kebanyakan barangan. Sebelum cadangan ini dilaksanakan, semua pihak seperti

badan-badan profesional dan kesatuan pengguna, akan dijemput berbincang dengan pihak Perbendaharaan. Ini perlu dilakukan untuk mengelakkan sebarang kekeliruan bahawa perubahan ini sekadar meniru reformasi cukai yang diperkenalkan di negara lain. Yang kita lakukan ialah untuk memperkemas sistem cukai yang kita warisi berdasarkan pengalaman kita sendiri. Sementara itu, jentera Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja akan diperkemas dan dipermoden untuk meningkatkan prestasi dan pertanggungjawaban serta menghadapi cabaran tanggungjawab yang bertambah.

Sehingga CJP dilaksanakan, saya bercadang meluaskan skop cukai perkhidmatan yang diperkenalkan pada tahun 1975 ke atas perkhidmatan yang disediakan oleh hotel dan restoran, kemudiannya diperluaskan ke atas perkhidmatan profesional, dan kini akan merangkumi pula perkhidmatan telekomunikasi, kawalan keselamatan, agen hartanah dan perkhidmatan yang disediakan oleh kelab-kelab rekreasi yang bercambah sekarang. Kadar cukai ialah 5 peratus sahaja. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini sektor perkhidmatan keseluruhannya menyumbang 43 peratus kepada KDNK dan 46 peratus dari jumlah pekerjaan. Potensi sektor ini untuk menggerakkan pertumbuhan dalam negeri adalah besar. Malangnya sektor perkhidmatan pada keseluruhannya, masih belum maju dan kurang menyumbang kepada pendapatan eksport. Sebahagian besar daripada defisit akaun perkhidmatan terdiri dari aliran keluar untung dan dividen serta juga bayaran pengangkutan dan insuran.

Keberhasilan dari industri pelancongan yang diperhebatkan kebelakangan ini amat menggalakkan. Sejak Kerajaan melancarkan Tahun Melawat Malaysia 1990, terimaan negara dari industri pelancongan dijangka menunjukkan lebihan

sebanyak 619 juta ringgit bagi tahun 1992 berbanding dengan 566 juta ringgit pada tahun 1991. Industri ini mempunyai potensi untuk meningkatkan sumber pertumbuhan dalam negeri. Kita juga telah berjaya memperkenalkan destinasi pelancongan yang baru seperti Langkawi, Tioman, Pulau Redang, Gua Mulu dan lain-lain di samping mempertingkatkan tarikan yang sedia ada seperti di Desaru, Pangkor, Melaka dan Pulau Pinang.

Peruntukan berjumlah 254 juta ringgit disediakan untuk Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan bagi tahun 1993 untuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Ini termasuk bantuan acara persembahan pelancongan dan perbelanjaan promosi untuk Tahun Melawat Malaysia 1994. Antara projek pembangunan yang akan dilaksanakan ialah pengindahan tempat-tempat pelancongan, peningkatan kemudahan pelancongan, pembinaan penginapan murah dan bagi menyiapkan projek Panggung Negara.

Sektor swastalah yang seharusnya menyediakan kemudahan penginapan, pusat rekreasi, peluang perniagaan dan lain-lain kegiatan perkhidmatan yang berkaitan. Kerajaan-kerajaan negeri juga perlu lebih agresif memperhebatkan promosi pelancongan dan ini akan membantu meningkatkan pelancongan dalam negeri. Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia dapat membantu menyelaraskan pelbagai kegiatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan keupayaan perkapalan adalah satu faktor yang menyebabkan bayaran pengangkutan dibuat di luar negeri. Keupayaan perkapalan kita hanya dapat mengangkut tidak lebih 15 peratus daripada jumlah perdagangan. Saya sedar bahawa masalah utama bagi perkembangan industri perkapalan ialah kekurangan kemudahan pembiayaan. Oleh itu, saya mencadangkan agar satu Tabung Perkapalan diwujudkan.

Tabung ini akan mempunyai kemudahan sebanyak 800 juta ringgit di mana 500 juta ringgit akan digunakan untuk pelaburan baru dalam industri perkapalan. Tujuan kemudahan ialah untuk menggalakkan pengusaha-pengusaha baru menerokai industri perkapalan. Di samping itu, bakinya sebanyak 300 juta ringgit diperuntukkan untuk pinjaman jangka panjang di kalangan pengusaha perkapalan yang sedia ada. Tujuan kemudahan yang kedua ini ialah untuk menyediakan dana pada kadar yang berpatutan bagi tempoh 10 tahun untuk tujuan pembelian kapal-kapal baru dan terpakai serta juga memberi kemudahan pinjaman ekuiti bagi pengusaha kapal untuk membolehkan mereka mendapat pinjaman daripada pasaran modal antarabangsa. Sebagai langkah mengurangkan kos perolehan, saya mencadangkan duti import ke atas kapal yang beratnya melebihi 26 gwt dihapuskan.

Ketika saya membentangkan belanjawan yang lalu, saya telah mencadangkan supaya faedah yang diterima oleh individu dari bon korporat yang dikeluarkan oleh syarikat awam yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, dikecualikan dari cukai pendapatan. Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menggalakkan tabungan dan untuk memajukan pasaran bon, saya mencadangkan agar faedah yang diperolehi oleh individu yang melabur dalam bon korporat dari syarikat yang tidak disenaraikan di BSKL tetapi telah diberi pentarafan oleh Rating Agency Malaysia dikecualikan dari cukai pendapatan.

Kita telah memperkenalkan pakej galakan untuk menubuhkan Ibu Pejabat Operasi (IPO) kepada sektor perkilangan. Semenjak itu, ada beberapa syarikat dari sektor lain telah juga menunjukkan minat menubuhkan IPOnya di negara ini. Dengan ini, saya mencadangkan galakan Ibu Pejabat

Operasi yang sedia ada diluaskan kepada sektor perkhidmatan berkuatkuasa pada 1 Januari 1993. Kelonggaran syarat seperti menambah bilangan pegawai dagang bagi menggalakkan lebih banyak IPO beroperasi di negara ini akan dipertimbangkan untuk kelulusan.

Sambutan terhadap penubuhan IOFC di Labuan dua tahun yang lalu amat menggalakkan. Saya yakin bilangan syarikat IOFC yang beroperasi di Labuan akan bertambah dari 73 sekarang ini, lebih-lebih lagi berikutan keputusan membenarkan syarikat IOFC membuka pejabat sementara dan membenarkan pegawai dagangnya tinggal di Kuala Lumpur sehingga "Financial Park" siap pada tahun 1994. Pembinaan hotel bertaraf antarabangsa dan kemudahan infrastruktur tambahan akan membantu menarik lebih banyak penyertaan.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan ekonomi semata-mata belum dapat menjamin bangsa Malaysia dapat tegak setara dengan bangsa-bangsa lain. Kita mahu bangsa Malaysia yang berjaya dan memiliki keyakinan, keazaman dan ketinggian akalbudi. Pembangunan yang mampan dan adil tidak cukup sekadar meningkatkan mutu hidup dan pendapatan per kapita rakyat. Masyarakat yang hidup mewah belum layak dipanggil maju jika masih terkebelakang dalam bidang ilmu, teknologi dan kebudayaan. Mengangkat martabat rakyat adalah agenda yang menggabungkan usaha memajukan aspek sosio-ekonomi dengan usaha mempertajamkan daya fikir rakyat, dan mempertingkatkan kecintaan kepada ilmu, membentuk akhlak, membina budaya dan kegigihan meneroka menembusi perbatasan sains dan teknologi.

Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan sebagai satu aspek penting dalam

strategi pembangunan. Tetapi pendekatan ke arah pembasmian kemiskinan harus berbeza. Yang perlu ialah kesempatan membebaskan rakyat dari terperangkap dalam putaran ganas kemiskinan. Penilaian berterusan diperlukan untuk memastikan keberkesanan program langsung kepada golongan sasaran tanpa kos pengurusan yang tinggi atau kerendah pentadbiran yang merumitkan. Kaedah yang diperkenalkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP), Jabatan Perdana Menteri melalui Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) menampakkan kesan positif kerana ia menuju terus kepada sasaran isi rumah. Peruntukan keseluruhan sebanyak 280 juta ringgit disediakan bagi tahun 1993 untuk maksud tersebut.

Berasaskan pengalaman tersebut maka Skim Khas Amanah Saham Bumiputera yang dilancarkan di Baling, Kedah diajukan sebagai lanjutan kepada Program Pembangunan Rakyat Termiskin. Skim ini melibatkan pinjaman 500 juta ringgit tanpa faedah, diuruskan oleh PNB dan diselenggara bersama oleh Bank Negara Malaysia dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan. Yang membanggakan dan wajar dicontohi oleh agensi-agensi lain ialah kerana skim yang melibatkan jumlah peruntukan yang sebegini besar tidak memerlukan penubuhan agensi khas, pegawai tambahan dan kos pengurusan yang tinggi. Jentera yang sedia ada dimanfaatkan dan keseluruhan isu rumah termiskin tanpa kecuali mendapat faedah. Sehingga kini, sebanyak 300 juta ringgit diluluskan melibatkan 60,000 keluarga.

Selain itu, pelbagai bantuan dan skim kredit disediakan untuk memulakan kegiatan ekonomi bagi melahirkan petani-pengusaha mandiri. Peruntukan Skim Pinjaman Khas Pertanian telah ditambah dan sebanyak 30 juta ringgit disediakan untuk skim ini bagi tahun 1993. Pinjaman ini hanya dikenakan

bayaran perkhidmatan antara 2 hingga 6 peratus dan bayaran perkhidmatan tidak dikenakan bagi pinjaman yang kurang daripada 10,000 ringgit.

Bantuan modal melalui Skim Amanah Ikhtiar juga diteruskan. Di samping itu, melalui kemudahan yang disediakan bersama oleh bank-bank perdagangan dan Syarikat Jaminan Kredit Malaysia Berhad (CGC), penaja dan peniaga kecil boleh memperoleh pinjaman modal di bawah Skim Tabung Pinjaman yang telah diperluaskan baru-baru ini. Kerajaan telah memutuskan bahawa had pinjaman di bawah Skim ini dan Skim Pinjaman Khas Persatuan dinaikkan kepada 10,000 ringgit. Untuk membiayai kedua-dua skim pinjaman ini, Kerajaan telah menyediakan 120 juta ringgit.

Kerajaan akan juga meneruskan pemberian bantuan dalam bentuk penyediaan keperluan asas dan kemudahan sosial. Ini termasuklah bantuan bekalan makanan, perumahan, biasiswa, buku teks dan kemudahan asrama untuk murid-murid sekolah, dan juga bantuan kebendaan seperti ternakan dan benih tanaman. Peruntukan bagi maksud ini disediakan melalui Kementerian-kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Pertanian, Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Pendidikan dan Kesihatan serta Jabatan Perdana Menteri.

Program pembangunan untuk wanita dan belia diberi perhatian dengan peruntukan sejumlah 36.6 juta ringgit. Langkah-langkah sedang dan akan diambil untuk mengintegrasikan peranan wanita dalam pembangunan negara. Projek Pusat Maklumat Wanita yang berfungsi sebagai pusat dan sumber rujukan hal ehwal wanita akan diperkukuh. Program pengurusan dan kemahiran untuk meningkatkan taraf ekonomi wanita, khususnya wanita desa akan diberi keutamaan.

Dalam program pembangunan belia, Kerajaan akan memberikan keutamaan kepada kegiatan latihan untuk memupuk disiplin dan nilai-nilai murni. Kemudahan latihan vokasional dipertingkatkan untuk melahirkan belia yang memiliki kemahiran bagi menampung keperluan sektor perindustrian. Usaha-usaha melibatkan belia dalam bidang perniagaan, perusahaan dan pertanian secara komersil diteruskan.

Sebagai langkah positif untuk menerjemahkan iltizam Malaysia terhadap pemuliharaan alam sekitar di Persidangan Puncak Bumi di Rio de Janeiro, Kerajaan telah menganjurkan satu seminar kebangsaan untuk menghasilkan pendekatan bersepadu dan merangka deraf Dasar Alam Sekitar Negara.

Pemuliharaan alam sekitar adalah tanggungjawab semua pihak, Kerajaan Persekutuan dan Negeri, sektor awam dan swasta. Sektor swasta perlu prihatin tentang tanggungjawab mereka kerana kebanyakan kegiatan industri boleh menyebabkan pencemaran. Mereka perlu mengambil inisiatif untuk beralih menuju proses industri yang serasi serta memupuk kesedaran terhadap alam sekitar dan turut membiayai kegiatan pemuliharaan. Sementara penguatkuasaan telah diperkukuh namun kegiatan pembalakan haram masih berleluasa. Kerajaan telah meminta Kerajaan Negeri dan Jabatan Alam Sekitar berkerjasama dengan pasukan keselamatan bagi membanteras kegiatan tersebut.

Bagi tahun 1993, peruntukan sebanyak 140 juta ringgit disediakan di bawah Kementerian-Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar; Perusahaan Utama; Pertanian; dan Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membiayai projek-projek mengawal pencemaran dan mengekalkan alam sekitar. Ini termasuklah langkah bagi mencegah pencemaran

akibat daripada kenderaan, memastikan kawasan industri mempunyai kemudahan pelupusan bahan buangan dan toksik dan mempergiat projek penanaman semula hutan serta pengekalan perhutanan semula jadi. Sistem pembetungan dan sanitasi akan diswastakan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah bangsa-bangsa yang unggul bermula dengan revolusi dan transformasi sosio-budaya melalui sumbangan masyarakat pemikir, sains, seniman dan juga perdagangan. Ini merupakan aspek bukan kuantitatif yang akan melahirkan bangsa yang makmur dan berdaya tahan. Bahkan sekarang pun timbul kesedaran di negara-negara industri, tanggapan bahawa kemerosotan ekonomi mereka sebagai petanda bahawa masyarakat mereka telah kehilangan dinamisme dan sedang dilanda kelesuan budaya dan moral.

Berdasarkan pengajaran ini kita perlu memekarkan budaya ilmu, kegiatan daya cipta dan apresiasi seni serta memberikan pengiktirafan yang wajar dan setimpal kepada para saintis dan karyawan. Pada Belanjawan 1992 saya telah mencadangkan paras pengecualian cukai ke atas pendapatan royalti penulisan dan penterjemahan buku ilmiah serta karya sastera dinaikkan. Tahun ini saya mencadangkan anugerah rasmi wang tunai yang diterima oleh para saintis, karyawan dan seniman dikecualikan dari cukai pendapatan. (*Tepuk*) Saya berharap cadangan ini akan mendorong mereka meneruskan penyelidikan, menghasilkan karya asli, bermutu dan dapat mencipta penemuan baru dalam bidang sains dan teknologi di samping memperkayakan warisan budaya bangsa.

Pihak swasta telah mula menyambut seruan Kerajaan supaya menaja kegiatan ilmu, penulisan dan penterjemahan. Untuk menggalakkan usaha tersebut saya mencadangkan

supaya perbelanjaan yang dilakukan bagi maksud menerbit atau menterjemah buku-buku ilmiah, teknikal, sastera dan budaya dianggap sebagai perbelanjaan bagi pengiraan pendapatan perniagaan yang akan dikenakan cukai. Penerbitan atau penterjemahan buku-buku ini hendaklah diluluskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kerajaan telah menerima banyak sekali keluhan bahawa orang ramai sukar mendapat pinjaman perumahan daripada institusi kewangan untuk membeli rumah kos rendah dan sederhana. Pinjaman perumahan perlu diberi keutamaan oleh bank dan syarikat kewangan supaya orang ramai dapat terus menggunakan kemudahan pinjaman perumahan ini. Oleh itu, Kerajaan memutuskan tidak akan mengubah kadar faedah sebanyak 9 peratus yang berkuatkuasa pada masa ini kepada pinjaman perumahan yang bernilai di bawah 100,000 ringgit. Sebagai galakan bagi meneruskan skim pinjaman tanpa mengalami kesulitan, Kerajaan akan membayar subsidi faedah bersamaan 1 peratus kepada institusi kewangan bagi memastikan peminjam tidak dikenakan kadar yang lebih tinggi dari 9 peratus yang berkuatkuasa pada masa ini. Dengan kemudahan ini, bank dan institusi kewangan tidak mempunyai sebarang alasan lagi untuk tidak mematuhi arahan tersebut. *(Tepuk)*

Bibit keunggulan Malaysia di lapangan sukan mula terserlah. Tiga tahun dahulu kita telah menempa prestasi yang paling cemerlang dalam sejarah penyertaan kita dalam sukan SEA. Dalam tahun ini, setelah berjuang dan bermandi peluh selama dua dekad, pasukan kita telah berjaya merampas kembali Piala Thomas. *(Tepuk)*. Syabas kepada wira-wira sukan Malaysia. Sungguh mengancam! *(Ketawa)*

Pembangunan sukan perlu dipertingkatkan daripada sekarang bagi menghadapi beberapa kejohanan di

peringkat antarabangsa. Kita juga diberi penghormatan menjadi tuan rumah Sukan Korporat Sedunia pada tahun hadapan, Kejohanan Bola Sepak Remaja Dunia pada tahun 1997 dan Sukan Komanwel pada tahun berikutnya. Peruntukan awal sebanyak 100 juta ringgit disediakan pada tahun hadapan bagi membiayai pelbagai kemudahan yang diperlukan. Galakan untuk sukan diteruskan. Sehingga kini hampir keseluruhan peralatan sukan dikecualikan dari cukai import. Sebagai galakan seterusnya, saya dengan ini mencadangkan duti import ke atas peralatan sukan selebihnya seperti bola yang menggunakan getah dan sukan ekuin atau sukan berkuda dimansuhkan, dan sebahagiannya dikurangkan. *(Ketawa)*

Tabiat merokok dan meminum minuman beralkohol terbukti memudaratkan kesihatan. Sebagai langkah menghalang penggunaannya, saya mencadangkan supaya duti eksais ke atas rokok dinaikkan dari 14 ringgit 30 sen sekilogram kepada dua puluh lapan ringgit enam puluh sen sekilogram *(Tepuk)* manakala duti import ke atas rokok, cigar, cerut dan cigarillos dinaikkan sebanyak 27 ringgit sekilogram ke atas kadar semasa. Saya juga mencadangkan supaya kadar duti import dan duti eksais minuman keras dan bir dinaikkan masing-masing sebanyak 15 peratus dan 30 peratus daripada kadar semasa. *(Tepuk)*

Dalam Belanjawan 1992, emas telah dikenakan duti import 10 peratus dan hasilnya import emas telah berkurangan dengan banyak sekali. Perubahan yang berlaku di rantau ini selepas pembentangan Belanjawan 1992 khususnya mengenai duti import emas memerlukan kajian semula supaya industri pengeluaran barang kemas di Malaysia ini tidak terjejas. Berdasarkan kajian semula ini, saya mencadangkan duti import emas dikurangkan dari 10 peratus kepada 5 peratus. *(Tepuk)*

Struktur duti setem ke atas surattcara pindahmilik harta yang terdapat pada masa ini adalah tidak progresif. Sebagai langkah memperbaiki dan menjadikannya lebih adil, saya mencadangkan supaya kadar duti setem ke atas surattcara pindah milik harta dinaikkan dari kadar tertinggi 2 peratus kepada kadar tertinggi 4 peratus. Ingin saya tegaskan di sini bahawa pengenaan kadar cukai yang lebih tinggi tidak bertujuan untuk membebankan orang ramai tetapi hanya meliputi mereka yang berada dan mempunyai harta bernilai melebihi 500,000 ringgit.

Kita berasa bangga kerana perkhidmatan awam negara ini telah memainkan peranan membangunkan negara ke tahap yang kita capai hari ini. Dengan langkah pembaharuan perkhidmatan awam yang giat dijalankan, kita yakin bahawa mereka dapat membantu meningkatkan prestasi pengurusan negara dengan lebih cemerlang di masa akan datang. Atas kesedaran ini, saya mencadangkan supaya cukai pendapatan yang dikenakan ke atas award gantian cuti rehat atau "Golden Handshake" dikecualikan. Biarpun pengecualian cukai ini adalah kecil, ia melambangkan keikhlasan Kerajaan melahirkan rasa penghargaan terhadap kegigihan dan dedikasi kakitangan awam.

Zakat adalah institusi asas ekonomi dan khairiah yang sentiasa relevan. Dalam tamaddun Islam pelaksanaan sistem zakat terbukti mampu menghasilkan keadilan sosial dan masyarakat penyayang. Dewasa ini terdapat kesedaran yang lebih meluas di kalangan umat Islam untuk menyempurnakan kewajipan membayar zakat. Tetapi, potensi sistem zakat belum dimanfaatkan sepenuhnya kerana beberapa masalah pengurusan dan pentadbiran. Kutipan zakat sekarang diuruskan secara berasingan oleh pihak berkuasa agama Islam negeri-negeri dan Wilayah Persekutuan. Akibatnya,

terdapat perbezaan skop, pendekatan dan undang-undang pentadbiran zakat. Justeru itu Kerajaan sedang mengkaji satu reformasi menyeluruh yang dapat mengembalikan relevan dan keberkesanan institusi zakat kepada masyarakat Islam. Antara pertimbangan yang diberikan ialah bagi mengelakkan pertindihan pembayaran zakat dan sistem percukaian yang wujud. Kutipan zakat mungkin dapat diselaraskan di peringkat pusat dengan kerjasama Jabatan Hasil Dalam Negeri dan kemudian diagihkan kepada negeri-negeri mengikut formula yang dipersetujui bersama. Para ulama dan cendekiawan serta pihak berkuasa agama negeri-negeri akan dilibatkan sepenuhnya dalam semua perbincangan untuk mencapai kata sepakat.

Tuan Yang di-Pertua, jangkaan mutakhir institusi antarabangsa menunjukkan ekonomi dunia akan bertambah pulih dan berkembang pada kadar 3 peratus bagi tahun 1993 berbanding dengan hanya 1.1 peratus tahun ini. Jika kadar pertumbuhan ini dapat dicapai, maka perdagangan antarabangsa dianggar berkembang ke tahap 6.7 peratus berbanding dengan hanya 4.5 peratus bagi tahun 1992. Walaupun kadar pertumbuhan ekonomi itu agak sederhana ia memberikan harapan yang memberangsangkan bahawa ia bertambah pulih dan jikalau pun berlaku lagi ketenatan ia tidak mungkin lebih teruk daripada keadaannya sekarang. Berdasarkan jangkaan ini, maka kita boleh mengharapkan bahawa ekonomi Malaysia akan terus berkembang mengikut kadar jangkaan.

Bagi tahun 1993, Kerajaan menjangka ekonomi negara akan berkembang pada kadar 8 peratus. Kita memang berhasrat hendak menyederhanakan kadar pertumbuhan ekonomi negara supaya lebih mampan. Dengan cara begini kita juga akan dapat membendung inflasi pada kadar

terendah. Berdasarkan jangkaan ini, pendapatan per kapita negara di-ramalkan meningkat kepada 8,300 ringgit atau AS\$3,300.

Dengan bertambah pulihnya prestasi ekonomi dunia kita yakin imbalan pembayaran negara akan bertambah kukuh. Eksport barangan negara dijangka berkembang 13.6 peratus sementara import barangan meningkat 10 peratus. Lebih akaun perdagangan khususnya dijangka meningkat kepada 8.8 bilion ringgit. Meskipun begitu, defisit akaun semasa dijangka berjumlah 4.2 bilion ringgit atau 2.7 peratus daripada KNK berbanding 7.9 bilion ringgit pada tahun 1992. Keadaan ini mencerminkan kemajuan yang berterusan bagi akaun semasa imbalan pembayaran. Oleh itu, keseluruhan imbalan pembayaran jadi bertambah sihat.

Kita akan menentukan dasar-dasar kewangan dan belanjawan terus diselaraskan dan dipatuhi supaya usaha kita mengawal inflasi akan lebih berkesan. Melalui dasar fiskal dan kewangan yang ketat, kita akan dapat mengurangkan permintaan dalam negeri yang akan menyebabkan kurangnya tekanan inflasi. Nilai ringgit yang kukuh serta kadar inflasi yang lebih sederhana di negara-negara lain akan juga membantu mengurangkan tekanan harga di negara kita. Oleh itu, saya meramalkan kadar inflasi bagi 1993 dapat dikawal di sekitar 4 peratus.

Kita menjangkakan kadar peng-anggaran turun kepada kira-kira 4 peratus. Tetapi kedudukan ini akan lebih menegaskan pasaran buruh negara. Oleh kerana itu, kita mestilah berusaha memperbaiki sistem maklumat upah secara menyeluruh supaya kadar penyertaan buruh dapat ditingkatkan. Kita juga harus mempercepatkan usaha ke arah mengotomasikan proses

pengeluaran, mengadakan program latihan penggunaan teknologi tinggi terutama melalui Kumpulanwang Pembangunan Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa faktor utama yang menjadi mangkin dalam usaha memantapkan ekonomi ke tahap yang kita nikmati sekarang. Yang paling utama ialah kewibawaan dan pimpinan dinamis Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri. (*Tepuk*) Minat dan kesungguhan beliau memberi pengarahannya bagi membina negara dan daya saing ekonomi sukar ditandingi. (*Tepuk*)

Sokongan padu rakyat terhadap beliau, Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba (*Tepuk*) dan Kerajaan Barisan Nasional telah menjamin kestabilan politik yang berterusan yang memungkinkan prestasi cemerlang ekonomi negara. Alhamdulillah. (*Tepuk*)

Kita juga sangat bernasib baik kerana jasa besar para pemimpin negara yang lalu yang telah membantu meletakkan paksi kenegaraan dan menyediakan prasarana pembangunan asas.

Bagaimanapun, tugas mencabar generasi kini adalah untuk menyemarakkan obor perjuangan membangunkan negara dan terus mendaki ke mercu kecemerlangan. Ini melibatkan penggebelan menyeluruh meningkatkan darjat bangsa dengan mengimbangi kemajuan budaya dan ketinggian akalbudi, akhlak dan budaya.

Namun demikian, walau apa jua kebaikan yang kita lakukan, ada golongan tertentu terutamanya para kembiri politik yang berusaha memutarbelitkan kenyataan dan cuba mempengaruhi rakyat supaya kembali hidup ke zaman purba. (*Tepuk*) Golongan gersang intelek ini, kini menuduh kononnya Kerajaan terlalu asyik dengan pembangunan industri

sehingga mengabaikan tanggungjawab sosial, hilang haluan dan menyeleweng daripada agenda asal perjuangan bangsa dan negara. Pada hakikatnya mereka sendiri menyedari tuduhan itu adalah pendustaan. Namun sandiwara mahu diteruskan juga. Mereka sanggup menjadi umang-umang yang mengumangi apa saja jasad politik asalkan semua itu dapat menyuburkan dan meneruskan igauan politik mereka. *(Tepuk)*

Apa lagi yang dapat kita katakan terhadap mereka yang lebih rela terperangkap di takuk fahaman dan pendekatan lama kerana mereka tidak berupaya dan gentar mendepani cabaran teknologi maklumat dan industri moden hari ini. Sementara rakyat semua kaum bersatu hati dan bersaing merebut peluang kemajuan ekonomi, masih terdapat kalangan yang bersenandung nada lama membangkitkan isu perkauman sempit dan menanam bibit kebencian dan prasangka. *(Tepuk)* Mereka cuba menghakis keyakinan rakyat dengan melemparkan fitnah dan wasangka serta tidak jemu memperkecil kemampuan negara. Kita bersyukur kerana umumnya rakyat menunjukkan kematangan dan menolak politik adu-domba dan sikap melampau mereka. *(Tepuk)*

Kita juga amat takjub dengan gelagat segelintir pemimpin di beberapa negeri yang cuba menafikan nikmat pembangunan ekonomi kepada rakyat, terutama rakyat desa dengan menggunakan alasan keagamaan yang picik dan faham keagamaan yang jumud.

Islam adalah agama yang paling dinamis dan futuristik yang mengandungi segala macam dinamika dan kekuatan intrinsik untuk membantu ummah menghadapi apa jua cabaran masa depan. Sangat tidak munasabah bagi Islam menganjurkan kepada ummah yang masih hidup melarat atau merimpit supaya mengabaikan soal-duniawi.

Suasana di Malaysia menuntut kita bersifat sederhana dan toleran, memahami keperluan dan kebimbangan jiran yang berlainan kepercayaan dan agama. Ini bukan sesuatu yang baru tetapi terpancar dari ajaran Islam yang asli seperti yang dihuraikan oleh ulamak-ulamak muktabar zaman silam dan semasa. Hanya mereka yang berfikiran jumud dan terbelenggu sahaja yang tidak dapat melihatnya. *(Tepuk)*

Sehubungan dengan itu, kita juga sangat terharu dengan sikap taksub dan angkuh segolongan pemimpin peringkat negeri yang lebih suka melihat rakyat di negeri mereka tersisih dari aliran pembangunan ekonomi dan perpaduan negara semata-mata untuk terus mengekalkan kuasa dan fahaman politik sempit mereka. *(Tepuk)* Mereka ini juga sanggup menggunakan isu keagamaan yang picik untuk meracuni perasaan kasih sayang yang telah terjalin antara masyarakat kita yang berbilang agama. *(Tepuk)*

Kerajaan sentiasa memperhatikan dengan serius perkembangan wabak sebegini yang ingin merosakkan perpaduan dan keharmonian masyarakat dan akan terus mengambil langkah-langkah tegas bagi melindungi negara daripada terjerumus ke jurang kehancuran.

Tuan Yang di-Pertua, kesinambungan politik kita adalah satu rekod dalam sejarah politik rantau ini. *(Tepuk)* Kerana adanya kestabilan politik dan kemantapan ekonomi dan rekod cemerlang negara pimpinannya, Perdana Menteri, dapat pula berusaha mengangkat imej dan kewibawaan Malaysia di mata dunia. *(Tepuk)* Kita kian prihatin mengenai isu-isu kemanusiaan dan keadilan sejagat sama ada di Afrika Selatan, Somalia atau Bosnia-Herzegovina, dengan menolak kezaliman dan kerakusan kuasa. Kita menuntut keadilan dalam tatacara ekonomi dunia yang timpang, kerana ia

menyisihkan negara-negara yang melarat dan mengekalkan mereka dalam kepapaan. Gema di Rio mengenai pemuliharaan alam sekitar serta gesaan kerjasama Selatan-Selatan menjadikan kita "conscience" negara membangun. (*Tepuk*)

Inilah sumbangan positif kita kepada perjuangan membela nasib golongan manusia yang selalu dihipit, ditindas dan dihina oleh negara-negara maju. Kita yakin rakyat akan terus mendukung dan meransang pimpinan negara supaya lebih gagah menangani usaha murni tersebut.

Dalam banyak hal tanpa menelaah, kebanyakan kita telah terpegun dan terpesona oleh dunia Barat. Pimpinan negara kita menimbulkan kesedaran baru menganjurkan supaya ditolak pengagungan dan pendewaan melulu terhadap Barat. (*Tepuk*) Di sebaliknya kita mengusulkan sikap kritis dengan mengambil saringan bijaksana dari Barat dan Timur. Umpamanya, sistem ekonomi Barat yang suatu waktu dianggap maju, kini telah kelesuan dan tersadai, kerana kehendak konsumsi sentiasa melebihi kudrat produktiviti. Mereka sudah lama bangga dengan sistem penggajian pekerja yang maksimum tinggi sedangkan mutu dan produktiviti telah diabaikan. Akhirnya hutang negara mereka memuncak ke angka AS\$4 trillion dan ekonomi mereka kian tergugat.

Apa yang sedang terjadi kepada ekonomi sistem sosial negara maju di Barat sepatutnya menjadi iktibar bagi kita. Meskipun pada waktu ini ekonomi kita mantap, kita perlu sentiasa mengambil langkah-langkah tegas mengawasi supaya pertumbuhan terus mampan dan mempertahankan rangka sosial.

Era baru menuntut pembaharuan tegas dalam pengurusan ekonomi. Kita perlu berfikir semula mengenai cara kita

mengurus perbelanjaan dan hasil pendapatan negara. Umpamanya, teguran yang dibuat oleh Ketua Audit Negara jarang diberikan perhatian yang sewajarnya oleh agensi-agensi berkenaan. Justeru itu, pengurusan kewangan sesuatu jabatan dan agensi hendaklah diteliti semula dan dilihat dari kepentingan negara dan tidak terbatas kepada kepentingan agensi tersebut sahaja. Kita mesti berani mengurangkan kos pengurusan dan pentadbiran dan menilai semula keberkesanan projek, walaupun kesannya mungkin pahit. Tetapi bak kata bidalan lama: yang pahit itu mungkin ubat, yang manis itu mungkin racun.

Kita juga perlu peka dan waspada terhadap perbuatan rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Kerajaan mempunyai tanggungjawab menjaga kewibawaan dan melindungi imej bersihnya dan tidak akan membiarkan seekor kerbau atau dua, tiga ekor kerbau membawa lumpur habis semuanya terpalit. (*Tepuk*) Kekerapan berlakunya kemalangan perusahaan dan bencana agak merunsingkan kita. Kebakaran terminal udara Subang, kegelinciran keretapi, terputusnya bekalan elektrik dan lain-lain mungkin juga disebabkan kecuai dan kurangnya pengawasan. Ini bukan sahaja merugikan ratusan juta ringgit wang rakyat tetapi juga menjejaskan imej negara. Budaya kerja yang teliti, perangai yang elok (*Ketawa*) (*Tepuk*) amanah dan disiplin yang ketat boleh menghindar dari berlakunya kemalangan.

Kita merencana dan melaksanakan program penswastan untuk mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan, mengurangkan kos pentadbiran Kerajaan dan juga mencipta peluang perusahaan untuk rakyat. Kejayaan Proton telah meyakinkan kita akan kebijaksanaan dan kemampuan negara menceburi bidang industri berat.

Pengalaman tersebut seterusnya mendorong kita untuk memperhebat projek industri kereta tempatan melalui pelaksanaan Projek Kereta Kedua.

Kepada pihak swasta kita ingin mengingatkan bahawa Kerajaan sentiasa menggalakkan semangat keusahawanan dan daya saing yang sihat di pasaran ekonomi yang bebas. Akan tetapi kita tidak akan sekali-kali toleran terhadap jenayah kolar putih yang didorong oleh perasaan tamak haloba.

Ekonomi Malaysia tidak mungkin mencapai prestasi sekarang tanpa iltizam masyarakat pekerja untuk meningkatkan produktiviti. Tetapi mereka harus sedar bahawa segelintir dari kepemimpinan kesatuan sekerja telah menabur kekeliruan yang boleh menjejaskan ekonomi negara serta mengorbankan kepentingan pekerja sendiri. Justeru itu, adalah penting para pekerja sendiri mengingat dan menentukan jenis kepemimpinan kesatuan yang berkesan, realistik dan bertanggungjawab.

Dalam kita berusaha membina generasi, kita dicabar oleh wabak dadah dan dekedansi moral sehingga masalah ini menjelma sebagai penyakit sosial. Sekadar mengenakan hukuman berat untuk mengawal bahana tersebut belumlah memadai. Sejumlah besar masalah penagihan berpunca dari krisis kekeluargaan dan kurangnya perhatian ibu bapa terhadap keperluan emosi dan nurani anak-anak yang memasuki alam remaja. Justeru itu manakala kita menggesa agar dipupuk budaya ikram ianya bermaksud untuk mengembalikan peranan institusi keluarga sebagai nadi membentuk masyarakat penyayang; mencintai anak muda, hormat dan kasih kepada warga tua, dan prihatin kepada golongan yang kurang bernasib baik.

Kita berdoa kehadiran Allah s.w.t. agar diberikan kekuatan dan ketabahan menangani masalah, memacu ke arah pertumbuhan dan mengangkat martabat bangsa. Kita juga berharap agar semua kalangan berusaha menjayakan cadangan Belanjawan demi keutuhan masa depan kita bersama. Insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. (*Tepuk*)

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1993

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul di atas nama saya di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$11,854,471,720 (Sebelas bilion, lapan ratus lima puluh empat juta, empat ratus tujuh puluh satu ribu, dan tujuh ratus dua puluh ringgit) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1993, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1993 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 1992, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut,

diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 66(3), perbahasan di atas usul-usul bagi Bacaan Kali Yang Kedua atas Rang Undang-undang Perbekalan 1993 dan Usul Anggaran

Perbelanjaan Pembangunan 1993, hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh tidak kurang daripada dua hari setelah usul-usul tersebut dicadang dan disokong.

Oleh yang demikian, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Isnin, 2hb November, 1992.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.42 petang.